

Peristiwa hijrah didik sifat prihatin, kepedulian masyarakat

Dr Azri Bhari,

Pensyarah Kanan
Akademi
Pengajian Islam
Kontemporari
(ACIS), Universiti
Teknologi MARA
(UiTM) dan Ahli
Jawatankuasa
Wakaf dan Zakat,
Majlis Agama
Islam dan Adat
Melayu Perak
(MAIPK)

Peristiwa Hijrah Nabi SAW dari kota Makkah ke kota Madinah yang asalnya dikenali sebagai Yathrib, pasti akan dibicarakan setiap kali kita melangkah masuk ke tahun baharu takwim Islam.

Hakikatnya, Hijrah Nabi SAW ditemani sahabat Baginda, Sayidina Abu Bakar RA ke Madinah tidak berlaku secara kebetulan dan tanpa proses berfikir, sebaliknya ia penuh dengan strategi serta perancangan tersusun rapi untuk mencapai tujuan dan objektif kejayaan dakwah Islam.

Keutamaan dan kelebihan melakukan hijrah dijelaskan Allah SWT dalam al-Quran dengan firman-Nya: *"Dan sesiapa berhijrah pada jalan Allah (untuk membela*

dan menegakkan Islam), nescaya ia akan dapati di muka bumi ini tempat berhijrah yang banyak dan rezeki makmur; dan sesiapa keluar dari rumahnya dengan tujuan berhijrah kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian ia mati (dalam perjalanan), maka sesungguhnya telah tetap pahala hijrahnya di sisi Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani." (Al-Nisa': 100)

Justeru, peristiwa hijrah tetap relevan dengan kehidupan masyarakat Islam sepanjang zaman kerana terdapat pelbagai pengajaran dan hikmah boleh dijadikan iktibar dalam menghadapi cabaran serta dugaan kehidupan.

Pertama, kepentingan dan keperluan merancang strategi jelas serta mantap. Nabi SAW memberikan contoh melakukan perancangan hijrah antaranya menyediakan pengganti untuk berada di tempat tidur Baginda, kaedah menghantar bekalan makanan, mengatur laluan perjalanan, memilih pemandu jalan dan bersembunyi di Gua Thur.

Begitu juga dalam kehidupan, setiap individu

perlu melakukan strategi dan perancangan supaya mencapai kejayaan serta kecemerlangan dalam setiap perkara diceburi.

Kedua, bersedia melaksanakan pengorbanan. Nabi SAW memberikan teladan penghijrahan dengan melakukan pengorbanan jiwa, harta dan tanah air tercinta menjadi titik tolak perubahan serta pemangkin kejayaan penyebaran syiar Islam ke seluruh alam.

Tuntutan hidup perlukan pengorbanan

Hijrah dan perubahan adalah tuntutan hidup serta memerlukan pengorbanan. Perubahan daripada sesuatu buruk kepada sesuatu baik dan daripada perkara baik kepada perkara terbaik perlu dilaksanakan dalam kehidupan yang menuntut pengorbanan.

Ketiga, membentuk kesabaran dan tawakal kepada Allah SWT. Nabi SAW menunjukkan teladan kesabaran melalui pelbagai kesukaran ketika berhijrah seperti diancam bunuh, dikejar musuh dan perjalanan jauh.

Masyarakat Islam diuji dengan pelbagai masalah perlu bersabar dan bertawakal kepada Allah SWT, di samping mengatur perancangan untuk menyelesaikan serta mencari jalan keluar.

Sikap sabar, keyakinan tinggi terhadap pertolongan Allah SWT dan tidak mudah putus asa adalah resipi kejayaan dalam setiap kerja dilakukan.

Keempat, mewujudkan sokongan dan dokongan daripada pelbagai pihak. Nabi SAW memberi teladan bahawa hijrah dilakukan memerlukan sokongan dan dokongan pelbagai lapisan usia, jantina serta agama untuk menjayakan misi hijrah.

Sirah juga membuktikan wujud sokongan pelbagai pihak berperanan berdasarkan kelebihan dan potensi masing-masing. seperti Sayidina Abu

Bakar al-Siddiq, Ali Abu Talib dan Uthman Affan RA yang mempunyai pengaruh serta kekuatan melalui kekuasaan dan kewangan.

Selain itu, Ali yang masih belia menggantikan tempat tidur Nabi SAW, Asma' Abu Bakar berperanan menghantar bekalan makanan dan Abdullah Ibnu Uraiqit walaupun bukan Islam berperanan sebagai pemandu jalan ke Madinah.

Begitulah juga dalam kehidupan, manusia sentiasa perlukan sokongan dan dokongan pelbagai pihak supaya dibantu, terus bermotivasi serta berjaya dalam setiap kerja dan misi hijrah yang dilakukan.

Kelima, melahirkan semangat persaudaraan dan saling membantu. Nabi SAW mempersaudarakan golongan Ansar dan Muhajirin serta menggalakkan memberi bantuan. Peristiwa hijrah mendidik sifat keprihatinan dan kepedulian masyarakat tanpa mengira latar belakang dan keturunan. Islam menganjurkan kepada setiap Muslim agar selalu peduli dengan nasib masyarakat di sekeliling. Keprihatinan dan kepedulian dianjurkan Nabi SAW dalam hadis bermaksud: "Perumpamaan golongan Mukmin dalam berkasih sayang dan persaudaraan sesama mereka adalah seperti satu jasad. Jika salah satu anggota badan sakit, maka seluruh badan akan turut berasa sakitnya dengan berjaga malam dan demam." (Hadis riwayat Ahmad)

Demikianlah, peristiwa Hijrah Nabi SAW disambut dan diingati bukanlah hanya sekadar menikmati dan mendengar sirah atau kisah semata-mata, bahkan menjadi iktibar dan mengubah penafsiran falsafah hidup manusia.

Sewajarnya, masyarakat Islam mengambil inti pati dan iktibar peristiwa Hijrah Nabi SAW supaya dapat diterapkan dalam kehidupan demi mencapai kejayaan dan kecemerlangan hidup di dunia serta akhirat.